

## **Makna siratan gaya figuratif dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin**

### **ABSTRAK**

Bahasa figuratif merupakan bahasa yang mengandungi makna siratan, iaitu menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain secara tidak langsung. Justeru, makna siratan bererti makna yang terselindung, yang tersembunyi atau yang berada di sebaliknya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Tiga buah cerpen Melayu yang bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari* karya Lim Swee Tin dipilih sebagai bahan kajian ini. Elemen yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi sahaja. Personifikasi merupakan gaya bahasa figuratif yang memberikan sifat dan tindak-tanduk manusia kepada benda atau perkara yang tidak bernyawa. Penganalisan data adalah secara kualitatif. Dalam kajian mengenai bahasa figuratif, timbul persoalan hubungan antara bahasa yang digunakan dengan ketepatan perkara yang dirujuk agar makna siratannya dapat ditafsir dan difahami oleh para pembaca. Berdasarkan persoalan tersebut, maka tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis makna siratan bahasa figuratif personifikasi dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) diaplikasikan dalam memantapkan lagi kajian ini. Hasil kajian terhadap ketiga-tiga buah cerpen tersebut menunjukkan bahawa terdapat 45 data personifikasi. Secara keseluruhannya, fungsi penting kajian ini telah membuktikan bahawa personifikasi merupakan kaedah, gaya dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan idea dalam penulisannya. Oleh itu, sesuatu perkara yang hendak disampaikan, difikirkan atau dirasakan oleh pengarang dapat memberikan impak yang tinggi kepada para pembaca. Penggunaan personifikasi juga menjadikan bahasa dalam cerpen lebih puitis.

**KataKunci:** Bahasa figurative; Makna siratan; Cerpen Melayu; Personafikasi; Teori relevans